

Faham jahiliah dan jiwa hijrah

Oleh: DR. SIDEK BABA

FAKTOR yang utama menyebabkan berlakunya peristiwa Hijrah Rasulullah s.a.w. dari Mekah ke Madinah ialah pertentangan faham jahiliah dengan faham berakidah. Faham jahiliah di kalangan masyarakat Arab pada waktu itu bertunjangkan asas keTuhanan yang syirik, sistem kaumiah dan kekabilahan yang sempit, daya kepimpinan yang menzalimi dan daya kepengikutan yang membuta tuli. Darinya lahir sistem "Siapa Kuat, Dia Menguasai" dan "Siapa Lemah Menjadi Mangsa".

Risalah Nubuwwah atau Kenabian yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. bermaksud mengembalikan manusia kepada fitrah diri. Fitrah diri mengakui bahawa manusia diciptakan. Allah yang Maha Esa menjadi sandaran akidah manusia. Bila keadaan ini berlaku, status manusia berubah. Kemuliaan manusia tidak diukur dari kabilah mana ia datang tetapi dinilai dari sudut ketaqwaan dan keimanannya. Orang seperti Bilal Ibnu Rabah walaupun berasal dari bangsa Habsyi yang hitam legam tetapi kerana akidahnya yang kental dijamin tempatnya di syurga.

Faham jahiliah bukan bermakna seseorang itu tidak berpengetahuan, bermaklumat atau tidak mempunyai kepandaian. Ahli-ahli sains, matematik dan kimia di zaman Mesir Purba umpamanya mempunyai kepandaian tertentu yang dikagumi sejarah dan zaman. Tetapi mereka adalah berfaham jahiliah disebabkan asas pengetahuan, kemahiran dan kepandaian yang ada tidak merujuk kepada faktor pencipta yang esa sebaliknya mereka mengabdikan diri kepada Firaun yang mengaku dirinya Tuhan.

Asas akidah membebaskan manusia daripada belunggu syirik, tahyul dan khurafat. Apabila faktor illahi diletakkan sebagai faktor tertinggi dan mutlak, manusia hanya memiliki status hamba dan khalifah. Asas ini yang membawa faham ketundukan, kepatuhan, ketaatan dan keakuran yang amat perlu bagi manusia. Ia juga perlu bagi manusia berperanan sebagai pengurus yang mentadbirkan kehidupan ini dengan amanah tinggi terhadap penciptanya.

Hijrah Rasulullah s.a.w. adalah suatu keputusan strategik yang datang dari Allah dan dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. dengan bijaksana. Sewaktu tenaga belum begitu kuat, jumlah belum begitu ramai di Mekah adalah sesuatu yang bijak untuk berundur membina kekuatan baru supaya berlaku lonjakan pada masa depan. Hijrah Rasulullah s.a.w. cuba melepasi halangan yang membelunggu ke arah yang lebih baik supaya natijah akhir matlamat perjuangan menjadi yang terbaik.

Faham jahiliah sebenarnya wujud pada sepanjang zaman kehidupan manusia. Dan hijrah juga berlaku di sepanjang hidup manusia. Yang membezakan faham jahiliah dengan faham berakidah ialah perubahan tetap berlaku tetapi nilai perubahan berasaskan faham jahiliah berlaku di sekitar tumpuan kepada benda dan kebendaan, akal dan kenafsuan yang putus tali hubungannya dengan pencipta.

Perubahan yang berlaku atas jalan akidah ialah terhubungnya akal manusia, pemikiran yang diperoleh, amal yang dilakukan dengan Allah. Dalam bahasa yang mudah, faktor ilahi menjadi faktor penting yang

memandu jalan berfikir manusia, pedoman amal dan perbuatannya dan daya komunikasi sesama manusia dan juga persekitaran.

Perubahan yang terbina di zaman Firaun adalah jahiliah sifatnya kerana ia terbina atas asas kezaliman, mengaku diri sebagai Tuhan dan menghapuskan siapa saja yang bangkit menentangnya. Watak Firaun wujud sepanjang zaman hidup manusia sama ada dalam bentuk individu mahupun kuasa.

Oleh itu hijrah dalam semangat Islam, membimbing manusia ke arah perubahan.

Jiwa hijrah akan sentiasa meningkatkan wibawa manusia supaya perubahan yang dialami adalah perubahan ke arah kebaikan. Kebaikan yang dilalui itu tidak saja baik untuk diri seseorang tetapi baik juga untuk orang lain.

Para remaja Islam tidak harus merayakan Maal Hijrah secara rutin. Insan Cemerlang, Umat Terbilang yang menjadi tema sambutan harus ditanggapi secara reflektif dan proaktif. Reflektif bermaksud hasil daripada hijrah Rasulullah s.a.w. menemukan manusia dengan tamadun hebat. Kota Madinah menjadi contoh terbaik bagaimana asas persaudaraan Muhajirin dan Ansar terbina. Sahifah atau Perlembagaan Madinah menjadi tempat bernaung kaum-kaum bukan Islam di sana. Kegiatan keilmuan seperti halaqah dan suffah berjalan dengan baik dan akhirnya Rasulullah s.a.w. menjadikan model Madinah sebagai Model Madani dan asas kepada lonjakan tamadun seterusnya.

Remaja Islam juga harus proaktif terhadap perubahan. Dalam hidup perubahan adalah sesuatu yang tetap berlaku dan ia tidak boleh dielakkan. Tetapi apakah perubahan itu mengambil semangat hijrah Rasulullah s.a.w. iaitu ke arah yang lebih baik dan bermakna.

Semangat hijrah mendukung keteguhan akidah dan kekuatan syariah dalam hidup. Sekiranya perubahan yang berlaku dalam diri remaja sama ada yang berkait dengan pemikiran, gaya hidup, cara berpakaian, cara pergaulan yang tidak berakhlak ia meneruskan amalan jahiliah dalam hidup.

Sekiranya pemikiran remaja berkembang ke arah menguasai ilmu-ilmu yang bermanfaat, gaya hidup yang beradab, cara berpakaian yang santun dan memenuhi keperluan syarak, cara pergaulan yang mengambil kira batasan mahram dan tidak mahram, perubahan yang seperti ini selari dengan semangat hijrah yang diredai oleh Allah.

Hijrah yang diredai Allah mengukuhkan lagi jati diri remaja dalam menghadapi kerenah zaman dan cabaran perubahan. Inilah asas-asas yang fundamental atau bersifat teras yang perlu ada dalam kalangan remaja.

Remaja tidak boleh hanyut dalam arus perubahan yang boleh menghakis jati diri kerana remaja adalah pelanjut dan penerus warisan masa depan negara. Islam tidak menolak faktor-faktor positif dari Barat dan Timur tetapi dalam masa yang sama sebagai remaja Islam sudah tentu memerlukan asas-asas yang kukuh untuk menjadi remaja dan akhirnya dewasa Islam yang berwibawa.

Mengukuh faham berakidah adalah tanggungjawab besar remaja Islam. Menghakis faham jahiliah moden yang sedang berkembang juga sewajarnya menjadi tanggungjawab remaja. Untuk menjadi remaja yang

maju dan berubah dalam acuan Islami menuntut penguasaan ilmu dan teknologi yang mempunyai nilai guna yang tinggi untuk kebaikan orang lain. Dalam masa yang sama, contoh peribadi yang boleh diteladani memberi kesan pengaruh yang besar terhadap kehidupan itu sendiri.

Remaja yang berjiwa hijrah harus mampu melakukan lonjakan dalam cita-cita hidupnya. Ia tidak harus merasa puas untuk menguasai ilmu pengetahuan, meneroka bidang-bidang yang akan membawa kepada kepakaran dari sumbernya sendiri apalagi dari sumber orang lain. Strategi ini sangat penting kerana negara-negara yang dikatakan maju melakukan pindahan ilmu dan teknologi, adaptasi kajian dan penyelidikan serta terus melakukan eksperimen secara kreatif dan inovatif.

Remaja Islam wajib mempunyai tekad untuk belajar daripada orang lain, kemudian melakukan adaptasi atau penyesuaian yang tidak bercanggah dengan akidah dan syarak kita dan mampu menghasilkan metodologi yang sifatnya menyumbang terhadap memperkasa imej umat dan pencapaiannya. Tekad ke arah ini boleh melahirkan generasi yang berubah tetapi asasnya ialah acuan yang Islami.

- PROF. DR. SIDEK BABA ialah pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0201&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm